

Utamakan latihan teknologi

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan kini mengurangkan penekanan kepada pendidikan akademik, sebaliknya kepada pendidikan vokasional dan teknologi selaras usaha menjadikan Malaysia negara perindustrian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mahu pengusaha dan syarikat besar mendirikan pusat latihan bagi melahirkan lebih ramai pekerja mahir dalam bidang teknologi canggih di negara ini.

Menurutnya, langkah demikian boleh membantu usaha membekalkan lebih pekerja berkemahiran yang diperlukan oleh ne-

gara ini dalam menuju era teknologi canggih.

"Saya merayu pengusaha yang memerlukan pekerja mahir membantu kerajaan dan masyarakat dengan mendirikan pusat latihan. Usaha menubuhkan pusat itu tidak begitu mahal, tetapi boleh memenuhi keperluan tempatan.

"Saya percaya dengan peningkatan kecekapan pekerja yang berkemahiran sekali gus meningkatkan kemajuan industri itu keseluruhannya," pembedita selepas menyampaikan Anugerah Tangan Emas pertandingan Johan Kemahiran kelima, di sini petang ini.

Pertandingan itu yang bermula Jumaat lalu, bertujuan memilih serta mengiktiraf pekerja mahir di negara ini.

Ia dianjurkan bersama Kementerian Kerjaraya, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Belia dan Sukan serta The New Straits Times Press (M) Bhd, Master Builders Association, Persatuan Kontraktor-Kontraktor Melayu Malaysia dan syarikat Black & Decker.

Pertandingan itu dibahagikan kepada tiga kategori iaitu belia, terbuka serta acara berkumpulan

membabitkan peserta mahir daripada institut latihan kerajaan dan swasta serta syarikat swasta.

Kategori terbuka dimenangi oleh pembuat perabot, Basuki Ahmad, 33, dari Institut Kemahiran Mara Sungai Petani, Kedah, yang menerima anugerah Tangan Emas, wang tunai RM5,000, sijil serta pingat.

Johan kategori Belia bagi Mekanik Peralatan Elektronik Industri dimenangi Abdul Razak Mohd Desa, 20, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Sepang.

Pemenang pertama acara berkumpulan Mekanik Kenderaan Motor diraih

oleh syarikat Cycle & Carriage Bintang Berhad yang mendapat Anugerah Tangan Emas beserta wang tunai RM5,000, pingat dan sijil penyertaan.

Dr Mahathir berkata, ketika ini sudah sampai ke peringkat di mana pekerja pejabat mendapat pendapatan lebih rendah berbanding mereka daripada sektor pembinaan, pembangunan dan perkilangan.

Oleh itu, katanya, sudah tiba masanya bagi kerajaan mengurangkan penekanan dalam bidang akademik, sebaliknya menumpu pula kepada pendidikan vokasional dan teknologi.